

Kerajaan dedah laporan akhir siasatan nahas pesawat babitkan kematian KM Sabah pada 1976

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@nstp.com.my

Putrajaya: Kerajaan akan menyah-klasifikasikan laporan akhir siasatan kemalangan nahas udara membabitkan pesawat Sabah Air yang berlaku pada 6 Jun 1976, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, laporan penuh berhubung tragedi yang mengorbankan ramai pemimpin utama Sabah ketika itu, akan didedahkan kepada umum selewat-lewatnya minggu depan.

Selama ini kerajaan tidak me-

mutuskan untuk menghebahkan (laporan ini) di bawah Seksyen 2C Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88).

"Hari ini (semalam) Jemaah Menteri mengambil pandangan dikemukakan rakyat Sabah selama bertahun dan tuntutan dibuat waris serta selari dengan dasar keterbukaan diamalkan Kerajaan Perpaduan, kita putuskan untuk nyahklasifikasi laporan terbabit," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di sini, semalam.

Kerajaan sebelum ini diminta mempertimbangkan untuk mende-

dahkan hasil siasatan mengenai tragedi nahas terbabit atau lebih dikenali sebagai 'Double Six' kerana berlaku pada 6 Jun 1976, bagi memeraikan keraguan berhubung insiden yang berlaku 47 tahun lalu itu.

Tragedi itu mengorbankan Ketua Menteri Sabah pertama, Tun Mohammad Fuad Stephens, apabila pesawat GAF Nomad keluaran Australia dinaiki beliau bersama rombongan terdiri beberapa anggota Kabinet negeri, terhempas di perairan Sembulan.

Nasional 2

Tragedi pesawat Sabah Air 1976

Laporan penuh siasatan dikeluarkan Kementerian Pengangkutan

Dari Muka 1

Pada 8 Mac lalu, media melaporkan Mahkamah Tinggi di Sabah memerintahkan Putrajaya mengambil langkah perlu untuk dinyahklasifikasi berhubung insiden berkenaan.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, laporan penuh siasatan tragedi terbabit akan dikeluarkan Kementerian Pengangkutan.

"Ini menjadi satu isu panas di Sabah yang begitu lama terkait dengan siasatan kemalangan udara pesawat Sabah Air dan isu ini menimbulkan banyak persoalan serta keresahan.

"Saya tak percaya bahawa penemuan fakta yang menjadi kepentingan kepada keluarga, negeri dan orang awam perlu disimpan di sebalik Akta Rahsia Rasmi," katanya.

Pada 6 Jun 1976, Tun Fuad menaiki pesawat GAF Nomad buatan Australia dari Labuan ke Kota Kinabalu untuk menghadiri jamuan rasmi dengan Menteri Kewangan Persekutuan dan Pengerusi PETRONAS ketika itu, Tengku Razaleigh Hamzah di Istana Negeri.

Pesawat terhempas

Bagaimanapun, pesawat itu terhempas di perairan Sembulan ketika ia menghampiri La-

pangan Terbang Kota Kinabalu.

Tragedi itu turut mengorbankan Menteri Kewangan negeri, Datuk Salleh Sulong; Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Datuk Peter Mojuntin; Menteri Kerja Raya dan Komunikasi negeri, Datuk Chong Tien Vun; Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Darius Binion serta Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan negeri, Datuk Wahid Peter Andu.

Turut terbunuh, Dr Syed Hussien Wafa (Pegawai Unit Perancangan Ekonomi), Ishak Atan (Setiausaha Sulit Tengku Razaleigh Hamzah), Kapten Gandhi Nathan (juruterbang), Koperal Said Mohamed (Pengawal Tun Fuad) dan Johari Stephens (anak sulung Tun Fuad).

Tun Fuad ketika itu menjadi Ketua Menteri Sabah buat kali kedua selepas Pilihan Raya Umum pada 1976 apabila Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) diterajunya berjaya membentuk kerajaan menggantikan Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO).

Tun Fuad yang juga bekas Presiden Pertubuhan Bersatu Pasokmomogun Kadazan - UPKO maut dalam tragedi itu selepas 44 hari pelantikan-